

BAB VI

Kesan terhadap kesenian budaya

Kesan terhadap kesenian budaya

Setiap bangsa mempunyai kesenian budaya tersendiri. Masing-masing mempunyai kesenian budaya mengikut kepercayaan, agama dan keadaan. Bangsa Melayu khususnya di wilayah-wilayah Melayu di Selatan Thailand mempunyai kesenian budaya tersendiri seperti hiburan seperti dikir barat, ronggeng, wayang kulit dan mak yong. Selain dari itu dalam bidang perubatan seperti main puteri, bidang seni mempertahankan diri seperti silat dan begitu juga dengan makanan. Bagi bangsa Thai juga mereka mempunyai kesenian budaya tersendiri yang berbeza dari bangsa melayu. Kesenian budaya mereka dalam bidang hiburan seperti ramwong, Menora dan dalam bidang seni mempertahankan diri seperti tinju Siam. Hubungan diantara masyarakat Melayu dengan Thai telah menyebabkan masyarakat Melayu yang minoriti menerima kesenian budaya masyarakat yang majoriti.

Terdapat beberapa kesan dari dasar Siamisasi terhadap kesenian budaya Melayu di Kampung Duku. Kesan – kesan tersebut adalah seperti berikut:

Dikir barat

Dikir Barat adalah salah satu persembahan tradisional masyarakat Melayu di Selatan Thailand. Dikir adalah satu nyanyian beramai-ramai

dengan suara yang nyaring dan mengikut satu rentak yang tertentu. Bagi perkataan barat itu adalah dari panggilan penduduk masyarakat negeri Kelantan apabila merujuk kepada kawasan Patani di Selatan Thailand.¹ Dikir barat iaitu satu persembahan nyanyian orang dari barat (Patani). Sebaliknya persembahan nyanyian ini bagi masyarakat Melayu Patani dikenali dengan nama Dikir hulu kerana persembahan dikir ini berasal dari hulu negeri Patani, tetapi terdapat fakta lain mengenai asal-usul Dikir barat. Nik Hashim @ Nik Enduk Bin Nik Yusuf² mengatakan Dikir hulu berasal dari seorang yang bernama Muhammad di Kampung Kayu Bongkok, Daerah Reman, Wilayah Yala.

Biasanya permainan Dikir barat dipersembahkan di hari-hari tertentu seperti hari perkahwinan, hari bersunat, hari keramaian dan hari yang mengadakan persembahan khas. Persembahan Dikir barat ini diadakan di waktu malam dalam satu-satu persembahan Dikir barat terdapat 2 kumpulan yang berlawanan di antara mereka. Satu-satu kumpulan Dikir barat terdiri dari 10-15 anggota. Anggota-anggota tersebut dibahagikan kepada 3 bahagian, pertama adalah juara iaitu orang yang menyanyi lagu-lagu pantun. Kedua adalah tukang karut iaitu orang yang berpantun menjawab ejekan dari kumpulan lawan atau mengejek kepada kumpulan lawan. Ketiga adalah orang penjawab iaitu orang yang turut menyanyi beberapa keratan yang dinyanyikan oleh juara Dikir

¹ Adakala penduduk negeri Kelantan juga memanggil penduduk dari Patani sebagai orang barat

² Telah temubual dengan Nik Hashim @ Nik Enduk Bin Nik Yusuf umur 60 tahun pada 3 Ogos 2000 di rumahnya di Kampung Seberang Daerah Chok-Airong Wilayah Narathiwat. Beliau adalah seorang juara dan tukang karut Dikir barat dan pernah mengendalikan rancangan Dikir barat di Stesen Radio 912. Beliau juga telah menulis sebuah buku kecil mengenai asal-usul Dikir barat.

barat atau tukang karut, mereka menepok tangan mengikut rentak pukulan dendang dan gong dan beberapa alat lain lagi.³ Alat-alat tersebut menjadi alat muzik latar dalam persembahan Dikir barat seseorang juara Dikir barat boleh juga menjadi tukang karut.

Dikir barat telah menjadi salah satu alat pihak kerajaan Thailand untuk menjalankan dasar Siamisasi dan memberi penerangan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat khususnya penduduk Melayu. Beberapa kumpulan Dikir barat yang terkenal di wilayah-wilayah Melayu telah mendapat peruntukan tajaan dari pihak berkuasa seperti dari pihak SBPAC terdapat beberapa rancangan Dikir barat di stesen radio dan TV Channel 11 stesen cawangan wilayah Yala, dalam persembahan tersebut mereka akan menyelitkan beberapa penerangan rasmi Kerajaan. Terdapat beberapa anggota Dikir barat wanita yang terkenal seperti Sdri. Masitah yang berasal dari Kampung Telok Manak, Daerah Bachok.

Dari masa kesemasa Dikir barat telah berubah dari segi persembahannya dengan menggunakan alat-alat muzik moden seperti gitar, base dan lain-lain lagi. Persembahan Dikir barat yang menggunakan alat-alat moden ini dikenali dengan nama *Dikir muzik*. Sebaliknya Dikir barat yang masih menggunakan alat-alat tradisional dikenali dengan nama *Dikir asli*. Di wilayah – wilayah Melayu terdapat beberapa kumpulan Dikir barat telah mengeluarkan kaset Dikir barat. Pengkaji telah beberapa kali meninjau ke pasar malam yang terbesar di daerah Bachok iaitu pasar malam Telok Manak. Dalam tinjauan tersebut didapati bahasa

³ Praphon Ruangnarong . Sombat Thai Muslim Phak Tai (Bangkok: Charoenwit Kam Pimp) Muka 101-102

Melayu yang digunakan oleh penggerak-penggerak kesenian budaya ini adalah bahasa pasar. Kata-kata serta ayat-ayat dalam nyanyiannya banyak yang bercanggah dengan tata tertib bahasa Melayu. Dengan itu secara tidak langsung ia merosakkan bahasa Melayu. Kerana penggerak-penggerak tersebut tidak mempunyai asas bahasa Melayu standard. Contohnya mereka akan menyebut “*meninggal*” apabila mereka merujuk kepada “*berpisah*”. Pendengar-pendengarnya terperanjat apabila pengkaji memberitahukan bahawa “*meninggal*” itu adalah sama dengan “*mati*” bukan “*berpisah*”.

Di Daerah Bachok terdapat sebuah persatuan Dikir barat yang ditubuhkan pada 3 September 2000. Persatuan ini berada di bawah naungan pejabat pendidikan daerah Bachok dan ia terdiri dari 11 kumpulan Dikir barat termasuk 2 kumpulan dari daerah Kelubi, Wilayah Pattani. Presiden persatuan ini ialah Sdr. Abdul Latif Bukit Jait, ketua Kampung Mu 2 Mukim Bachok.⁴ Dalam persatuan tersebut termasuk 2 kumpulan Dikir barat dari Kampung Duku iaitu kumpulan Sri Duku dan kumpulan Oo. Bo. To. . Dikir barat di daerah Bachok pada zaman lalu telah melahirkan beberapa juara yang terkenal seperti Sdr. Mat Yeh @ Mohd. Idris Anak Singa dan Pak tua Sudin (Sdr. Sudin Bin Ahmad). Sekarang di daerah Bachok amnya dan Kampung Duku khasnya tiada lagi juara-juara yang dapat ditonjol kedepan. Juara-juara yang ada

⁴ Pengkaji telah temubual dengan beberapa ahli Dikir barat dan mengikuti sebuah pemerhati dalam mesyuarat Persatuan Dikir Barat ini pada 3 November 2000.

hanya sekadar mengadakan persembahan di sekitar kampung sahaja.

Kesan-kesan dari dasar Siamisasi terhadap kesenian budaya ini di Kampung Duku ialah kumpulan – kumpulan Dikir barat selain dari mereka menyanyi lagu-lagu Melayu tempatan. mereka menyanyi lagu-lagu Thai. Dalam nyanyian mereka memuatkan kata-kata dan ayat-ayat bahasa Thai ini adalah berlaku secara tidak disedari mereka. Begitu juga dengan beberapa nyanyian mereka yang telah menyelitkan penerangan pihak kerajaan. Walaupun begitu kumpulan-kumpulan Dikir barat di Kampung Duku belum lagi dibeli atau ditaja oleh pihak kerajaan untuk mengadakan penerangan dasar-dasar kerajaan.

Ronggeng

Ronggeng adalah satu permainan tradisional masyarakat Melayu termasuk masyarakat Melayu di Selatan Thailand. Dikatakan ronggeng adalah permainan yang berasal dari Portugis. Masyarakat Melayu di Selatan Thailand telah menerima permainan ronggeng dari Semenanjung Tanah Melayu.

Persembahan ronggeng kebanyakan pemain-pemain terdiri dari 5 orang lelaki dan 5 orang wanita. Alat-alat dalam permainan ronggeng terdiri dari rebana, gong, dan violin. Kemudian ditambahkan lagi dengan gitar. Dalam permainan ronggeng terdapat 7 lagu yang dinyanyikan. Lagu-lagu tersebut ialah

1. Lagu dua

- 2.Lagu lanang
- 3.Lagu pucuk pisang
- 4.Lagu cinta sayang
- 5.Lagu anak didik
- 6.Lagu lagu mak inang jawa
- 7.Lagu mak inang lama

Di zaman dahulu terdapat permainan ronggeng di rumah-rumah pembesar Melayu dan raja-raja Melayu di Selatan Thailand. Seperti dalam kota raja negeri Jambu yang bernama Nik Wook Bin Nik Mat atau *Phraya Pipitsenamat* telah melatih wanita-wanita bermain ronggeng untuk persembahan permainan tersebut kepada tetamu-tetamu di hari keramaian tertentu.⁵

Selepas peperangan Dunia ke II keadaan ekonomi di Selatan Thailand bertambah baik kerana pekebun-pekebun getah mendapat hasilan dari jualan getah amat tinggi. Di masa tersebut di waktu-waktu malam masyarakat Melayu di wilayah-wilayah Melayu mengadakan permainan ronggeng di kampung masing-masing.⁶ Kampung Duku juga termasuk dalam kampung-kampung tersebut. Di Kampung Duku di zaman 1950-an dan 1960-an masih terdapat permainan ronggeng. Kini permainan ronggeng tiada lagi di Kampung Duku memandangkan sesetengah penduduk kampung agak kuat pegangan agama ditambah tiada usaha

⁵ Praphon Ruangnarong . Op. Cit. Muka 73.

⁶ Praphon Ruangnarong . Op. Cit. Muka 85.

untuk menghidupkan permainan ronggeng di Kampung Duku Kini ia terhakis begitu sahaja. Ini adalah berlainan dengan wilayah-wilayah pantai barat di Selatan Thailand seperti wilayah Trang, Pang-nga, Phuket dan Krabi. Permainan ronggeng masih terdapat di wilayah-wilayah tersebut tetapi ronggengnya telah disiamkan dengan lagu-lagu ronggeng telah ditukarkan kepada bahasa Thai. Ia bukan sahaja dimainkan di kalangan masyarakat Melayu yang tidak lagi berbahasa Melayu di wilayah-wilayah tersebut. Sebaliknya permainan ini turut diterima oleh masyarakat keturunan Thai di wilayah-wilayah tersebut. Mereka juga akan menjemput ronggeng untuk dipersembahkan di hari-hari tertentu seperti hari-hari keagamaan Buddha di wilayah-wilayah tersebut.⁷

Sandiwara

Sandiwara adalah salah satu diantara persembahan pementasan kesenian budaya Melayu di Selatan Thailand. Sandiwara telah lama wujud di dalam masyarakat Melayu Patani. Persembahan ini termasuk dalam salah satu kesenian budaya yang terhakis dari gelombang arus dasar Siamisasi.

Sdr. Mohd. Yusuf Bin Hassan⁸ yang mengatakan sandiwara lahir dari kalangan pelajar-pelajar pondok. Walaupun begitu di pondok Kampung Duku

⁷ *Institute of Southern Studies*, Thaksin University, Saranukrom Pak Tai (Bangkok: Amarin Printing Group) Vol. 10
Muka 4001-2

⁸ Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Mohd. Yusuf Bin Hassan umur 43 tahun pada 4 Februari 2001 bertempat di Kedai kopi kepunyaannya di pekan Bachok. Beliau adalah orang bekas pelakon sebagai heroin dalam kumpulan sandiwara pondok Pohon Berangan.

tiada kumpulan Sandiwara. Sebaliknya terdapat 2 kumpulan sandiwara dari 2 buah pondok yang berhampiran dengan Kampung Duku iaitu pondok Pohon Berangan yang diasaskan oleh seorang anak Tuk Duku yang bernama Haji Abdul Rashid Bin Haji Mohd. Tahir dan sebuah pondok lagi ialah pondok Bechah. Walaupun begitu pelakon-pelakon kumpulan sandiwara tersebut sebahagiannya terdiri dari pelajar-pelajar yang berasal dari Kampung Duku.

Pementasan sandiwara biasanya diadakan di hari perkahwinan, hari keramaian dan hari-hari tertentu. Anggota-anggota dalam satu kumpulan sandiwara terdiri dari lebih kurang 15 orang. Dalam satu pementasan persembahan pihak kumpulan sandiwara akan mengadakan latihan persembahan hampir 1 bulan. Di antara anggota-anggota kumpulan sandiwara terdapat seorang yang berperanan sebagai ketua kumpulan. Cerita-cerita yang dipentaskan kebanyakan diambil dari filem-filem khususnya filem India.

Di Daerah Teluban terdapat sebuah kumpulan sandiwara yang beraktif dalam pementasan sandiwara dan nyanyian Melayu pada tahun 1960-an.⁹ Oleh kerana tiada sumber kewangan yang mencukupi untuk penyaraan kumpulan sandiwara tersebut. Maka kumpulan sandiwara tersebut yang berasal dari Kampung Tok Khaek, Daerah Teluban itu hanya bertahan selama lebih kurang 3 tahun sahaja.¹⁰ Nasib kesenian budaya Melayu seperti sandiwara

⁹ Ahmad Fathy Al-Farani (1994) Op.Cit. Muka 216.

¹⁰ Penulis telah temubual dengan Sdr. Ahmad Bin Daud umur 54 tahun pada 4 Februari di kedai kopi Sdr. Mohd. Yusof Bin Hassan di pekan Bachok. Beliau adalah bekas ketua kumpulan sandiwara tersebut.

atau seni lakon ini telah lenyap dari masyarakat Melayu termasuk masyarakat Melayu di Kampung Duku. Dengan penghakisan sandiwara atau seni lakon dari masyarakat Melayu ini ia adalah satu dasar Siamisasi secara tidak langsung pihak berkuasa untuk melenyapkan kesenian budaya Melayu. Ia amat berlainan dengan sandiwara atau seni lakon Thai yang dapat berkembang dengan pesat di Thailand. Penggalakan sandiwara atau seni lakon Thai telah menjadi sebahagian dari pengajian di peringkat ijazah di institut pengajian tinggi di Thailand. Maka tiada usaha untuk menghidupkan kesenian budaya Melayu ini lagi.

Wayang kulit

Wayang kulit dijeniskan kepada 2 bahagian iaitu wayang Siam dan wayang Jawa. Walaupun kedua-dua wayang kulit tersebut mempunyai nama yang berlainan tetapi rupa bentuk wayang masih mempunyai rupa bentuk kemelayuan. Sekarang wayang Siam masih mempunyai dalang wayang Siam lebih kurang 300 kumpulan yang mengadakan pertunjukan di perbatasan Malaysia – Thailand. Sebaliknya wayang Jawa telah terhakis dari masyarakat Melayu (Amin Sweeny : 1972 : 1-32). Walaupun begitu beberapa tahun yang lepas masih terdapat sebuah kumpulan wayang Jawa di Patani iaitu di Kampung Tanjung. Daerah Penarik Wilayah Pattani kerana Wayang kulit telah menjadi satu persembahan yang diterima secara keseluruhan oleh masyarakat Melayu tempatan.

Pihak kerajaan Thailand telah merebut peluang keemasan tersebut dengan

menajakan beberapa kumpulan wayang kulit Melayu supaya menjadi alat propaganda dan penerangan dasar-dasar Kerajaan kepada penduduk Melayu yang berada di kampung-kampung termasuk Kampung Duku. Walaupun Di Kampung Duku sendiri tiada pertunjukan wayang kulit propaganda tersebut, tetapi penduduk Kampung Duku sering pergi menonton wayang kulit di kampung-kampung yang diadakan pertunjukan tersebut. Dalang wayang kulit terkenal yang tidak asing lagi bagi penduduk Kampung Duku adalah Dalang Adik Man Bin Wachik dan beberapa orang dalang lagi yang telah ditajikan oleh pihak kerajaan untuk menjalankan dasar Siamisasi. Dalang-ladang tersebut akan menyelitkan dasar-dasar kerajaan dalam pertunjukan mereka.

Strategi seperti ini pernah berlaku di negeri Kelantan apabila pihak kerajaan Malaysia mengadakan pertunjukan wayang kulit di berpuluh-puluh buah Kampung sasaran di negeri Kelantan.¹¹ Walaupun sesetengah masyarakat Melayu tempatan menganggap bahawa wayang kulit adalah pertunjukan yang bercanggah dengan ajaran agama Islam, tetapi sekitar tahun 1996-97 sebuah kumpulan wayang kulit telah ditajikan oleh kumpulan politik Melayu yang bernama Wahdah untuk mengadakan pertunjukan wayang kulit di pinggir Kampung Duku. Pertunjukan ini diselitkan dengan dasar-dasar penentangan pengaruh fahaman Wahabi yang terdapat di sekitar daerah Bachok.

Dalam pertunjukan wayang kulit tempatan terdapat, watak seorang

¹¹ Datuk Ahmad Nordin, "Wayang Kulit sebagai satu Alat sebaran Am di Kelantan" dalam Khoo Kay Kim (Peny.), Warisan Kelantan II, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1983 Muka 131-143.

keturunan Thai yang dikenali dengan nama *Ai Theng*. Ia adalah bukti bahawa watak-watak penduduk keturunan Thai telah diserapkan masuk ke dalam wayang-wayang kulit Melayu. Selain dari itu terdapat dalang-dalang Melayu yang menyelitkan kata-kata dan ayat - ayat bahasa Thai dalam pertunjukan mereka. Dalang yang bernama Adik Man mengatakan bahawa beliau selain dari boleh menggunakan bahasa Melayu Patani dalam pertunjukan, beliau juga boleh menggunakan bahasa Thai yang fasih dalam pertunjukan. Bahasa Thai akan digunakan semasa beliau dijemput oleh penduduk Thai untuk pertunjukan di hari keramaian dan keagamaan Buddha. Cerita-cerita wayang kulit yang dimainkannya dikarang sendiri. Terdapat juga beberapa cerita yang beliau beli dari dalang-dalang di wilayah Pattalung iaitu sebuah wilayah yang penduduk majoriti adalah penduduk keturunan Thai.

Pada sekitar tahun 1930-an dan 1940-an di Kampung Duku terdapat seorang dalang wayang kulit yang bernama Sdr. Awang Hilir. Kemudian pada sekitar tahun 1970-an terdapat seorang lagi dalang wayang kulit bernama Sdr. Waman dan Sdr. Ramli. Kedalangan Sdr. Ramli telah disambungkan oleh menantunya yang bernama Sdr. Dollah. Kini Sdr. Dollah telah berhenti dari pertunjukan wayang kulit lebih kurang 15 tahun yang lalu.¹² Walaupun dalang – dalang dari Kampung Duku telah tiada lagi, tetapi kita dapat melihat kesan-kesan dari dasar Siamisasi ke atas kesenian budaya ini seperti dalang-dalang telah dibeli atau diajakan oleh pihak kerajaan dalam menjalankan penerangan dasar-

¹² Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Che' Isa Bin Haji Mohd. Idris umur 65 tahun pada 27 Mac 2001 di Hospital

dasarnya. Selain dari dalang-dalang membeli cerita-cerita dari penduduk keturunan Thai yang mempunyai pengaruh kesiaman. Mereka juga telah menyelitkan kata-kata dan ayat-ayat bahasa Thai ataupun mengadakan pertunjukan dalam bahasa Thai.

Wayang Orang

Di Daerah Bachok pernah terdapat sebuah persembahan yang di namakan Wayang orang. Wayang orang dikatakan berasal dari wilayah-wilayah bukan Melayu di Selatan Thailand seperti wilayah Pattalung, Trang, Songkhla dan Ligor atau Nakorn Sri Thammarat.

Persembahan wayang orang adalah seperti persembahan wayang kulit dan cerita-ceritanya serta watak seseorang pelakon adalah sama seperti watak wayang kulit. Contohnya watak Rama, Siti Dewi, Wak Yah, Samad dan sebagainya. Perbezaan di antara wayang orang dengan wayang kulit ialah dimainkan dengan menggunakan patong-patong wayang kulit. Sebaliknya wayang orang, pelakon-pelakonlah yang memainkan watak-watak yang terdapat dalam wayang kulit.

Kumpulan wayang orang di Daerah Bachok ini ditubuhkan pada sekitar tahun 1966-68. Penubuhan kumpulan wayang orang ini adalah dari arahan seorang pegawai daerah yang bernama Mr. Chuchai Urairattana semasa itu. Pada peringkat awal penubuhannya adalah untuk mengadakan pertunjukan semasa

pihak daerah Bachok mengadakan festa keramaian tahunan sekitar tahun tersebut. Kumpulan wayang orang ini diketuai oleh seorang yang dikenali sebagai dalang atau pengarah kumpulan yang bernama Sdr. Omar. Beliau adalah berasal dari Kampung Chomu, Mukim Kelaba, Daerah Teluban Wilayah Pattani. Kumpulan wayang orang ini mempunyai anggota seramai 10 orang. Salah seorang pelakon adalah berasal dari kampung Duku. Beberapa anggota kumpulan wayang orang ini terdiri dari anggota kumpulan bangsawan lain seperti watak Rama dilakonkan oleh Sdr. Ismail yang berasal dari anggota Menora. Watak Siti Dewi telah dilakonkan oleh Che' Penawar yang berasal dari anggota Mak Yong.¹³

Setelah penubuhan kumpulan wayang orang ia mendapat sambutan dari masyarakat Melayu di sekitar daerah Bachok dan daerah yang berhampiran dengannya. Ini termasuk juga sambutan yang hangat dari penduduk Kampung Duku. Kegiatan kumpulan wayang orang ini tidak bertahan lama kerana mempunyai masalah sumber kewangan. Dikalangan penduduk Melayu di Kampung Duku yang berumur lebih dari 45 tahun mereka masih ingat bahawa pada suatu masa dahulu terdapat sebuah kumpulan wayang orang di kawasannya .

Mengikut Song Srithamwikul , pengerusi Persatuan Wayang Kulit Daerah Khuan-Niang Wilayah Songkhla, permainan wayang orang adalah salah satu permaianan penduduk keturunan Thai di kawasan tersebut. Beliau dan persatuannya sedang berusaha menghidupkan semula permainan wayang orang

¹³ Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Hassan Bin Mahmud umur 73 tahun pada 5 Februari 2001 di rumahnya di pinggir Kampung Duku. Beliau adalah bekas pelakon watak Wak Yah dalam kumpulan wayang orang tersebut.

sekali lagi. Ini adalah satu bukti bahawa pihak kerajaan telah menjalankan dasar Siamisasi dengan menyerapkan kesenian budayanya iaitu wayang orang ke dalam masyarakat Melayu. Walaupun penyerapan tersebut tidak dapat bertahan lama, tetapi ia adalah salah satu dari dasar Siamisasi melalui kesenian Budaya tersebut.

Main Puteri

Main Puteri adalah salah satu kesenian budaya Melayu yang bukan sahaja di kalangan masyarakat Melayu di negeri Kelantan malah ia termasuk juga masyarakat Melayu di Selatan Thailand. Main puteri pernah mendapat tempat dalam masyarakat Melayu sebagai upacara rawatan tradisional yang sakit demam bercorak psikosomatik. Persembahan main puteri adalah untuk merawat pesakit yang mengalami kekasutan jiwa atau fikiran. Dengan muzik dan nyanyian-nyanyian yang iringi setiap persembahan. Main puteri menjadi sejenis ubat untuk merawat pesakit tersebut dan ia boleh dianggap sebagai perubatan Psikoterapi.

Sebelum rawatan moden diterima oleh masyarakat Melayu Patani amnya dan Kampung Duku khususnya. Perawatan secara tradisional seperti perubatan herba, doa – jampi dan main puteri adalah salah satu dari perawatan tradisional tersebut. Beberapa pengkaji telah membuat kajian terhadap main puteri dan dari kajian tersebut terdapat beberapa versi asal-usul main puteri. Sesetengah pendapat menyatakan bahawa main puteri berasal dari permainan

rawatan oleh 4 orang sahabat bernama Semar, Turas, Hina dan Galuh. Versi-versi lain menyatakan main puteri berasal dari permainan puteri saadong dengan adindanya, Raja Ahmad. Satu lagi menyatakan main puteri berasal dari cara orang Siam berdukun dan pada peringkat awal ditiru oleh orang Melayu Asli.¹⁴ Seseengah masyarakat Melayu Patani mengatakan tiada asal usul main puteri yang tepat, tetapi mereka mempercayai bahawa main puteri ada kaitan dengan Mak Yong iaitu mak yong dilahirkan dari main puteri.

Dalam persembahan main puteri, selain pesakit tersdapat orang-orang yang berperanan dalam persembahan tersebut. Mereka itu terdiri dari Tok Mindok sebagai pemain muzik, Tok puteri, jurugendang, jurugong dan jurubatil. Biasanya main puteri ini dipersembahkan di waktu malam. Main puteri memakan masa selama 3-7 hari, dan satu malam memakan masa selama 3-4 jam. Main puteri boleh dianggap sebagai perubatan yang menggunakan muzik sebagai perubatan asas. Perubatan yang menggunakan alat muzik itu sebenarnya bukan perubatan yang baru diwujudkan. Mrs. Saowani Sangkasophon, pensyarah dari Fakulti Perubatan, Universiti Mahidol, Bangkok mengatakan perubatan yang menggunakan muzik telah lama diwujudkan semenjak zaman tamadun Mesir lagi.¹⁵ Di Thailand terdapat beberapa jabatan perubatan di universiti-universiti yang menggunakan muzik sebagai perubatan tambahan selain dari menggunakan ubat-ubatan moden

¹⁴ Hashim Awang A.R. dan Zaleha Abu Hassan, "Main Puteri : Suatu Teknik Ethnopsikoterapi Masyarakat Melayu Kelantan" dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir (Peny.), Kelantan dalam Perspektif Sosio-budaya Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1985 Muka 293-306.

¹⁵ Kan Phet tang Luak, Mo Chao Ban tahun 22 No. 256 Ogos 2000 Muka 14

sebagai perubatan asasnya. Dr. Somkiat Thanyakriangkrai¹⁶ menegaskan bahawa dengan menggunakan muzik sebagai perubatan tambahan ia dapat mengurangkan tahap ketegangan fikiran pesakit-pesakit serta dapat mengelak perhatian dari kesakitannya kepada suara merdu muzik dan nyanyiannya.

Pada sekitar tahun 1940-an, 1950-an dan 1960-an di Kampung Duku terdapat beberapa orang yang sering dijemput untuk main puteri. Di sekitar kawasan kota di pinggir Kampung Duku pada masa tersebut terdapat beberapa pemain puteri seperti Sdr. Mat Yaman kemudiannya pemain puteri adalah Sdr. Mat Rus. Bagi kawasan Kampung Duku terdapat beberapa pemain puteri seperti Sdr. Pak Dollah. Kemudian pemain puteri adalah Sdr. Mat Jalor dan Sdr. Tok Mek Long (Lelaki).¹⁷ Pengkaji pernah menonton main puteri di kampung kelahiran pengkaji pada sekitar akhir tahun 1980-an, sebaliknya main puteri telah lama pupus dari Kampung Duku sebelum itu lagi. Ini adalah salah satu dasar Siamisasi secara tidak langsung dengan membiarkan kesenian budaya Melayu ini lenyap dari masyarakat Melayu tempatan, tidak seperti di negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang masih menghidupkan permainan main puteri dan ulek manyang. Walaupun hanya sekadar satu pementasan sahaja tetapi ia dapat mengekalkan kesenian budaya dari kepupusan.

¹⁶ Pengkaji telah temubual dengan Dr. Somkiat Thanyakriangkrai umur 30 tahun pada 14 Mac 2001 di Hospital Sungai Golok Wilayah Narathiwat.

¹⁷ Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Idris Bin Abdul Wahab umur 61 tahun pada 18 November 2000 di rumahnya di Kampung Duku.

Mak Yong dan Menora

Mak Yong adalah salah satu persembahan tradisional Melayu sebaliknya Menora adalah salah satu persembahan tradisional penduduk keturunan Thai khususnya di Selatan Thailand. Persembahan Mak Yong telah lama wujud di negeri Patani seperti yang tercatat dalam catatan seorang Belanda, Peter W. Floris yang berada di negeri Patani selama 2 tahun. Dalam catatannya bahawa pada tahun 1613 Raja Hijau, Ratu yang memerintah negeri Patani telah menjemput orang-orang Inggeris dan Belanda ke majlis jamuan diraja dan telah memperkenalkan persembahan Mak Yong kepada mereka.¹⁸ Dengan berdasarkan catatan tersebut boleh dikatakan Mak Yong adalah berasal dari persembahan orang atasan dan persembahan istana.

Cerita-cerita Mak Yong tergolong sebagai sastera rakyat.¹⁹ Mak Yong dianggap sebagai sandiwara mempertunjukkan cerita dengan tarian dan nyanyian. Pelakon-pelakon Mak Yong hampir sama dengan Menora iaitu Pak Yong selaku Raja, Mak Yong, Pak Yong muda selaku putera Raja, Puteri Raja dan 2 orang peran iaitu peran tua dan peran muda serta beberapa orang lagi pelakon Mak Yong. Alat-alat muzik dalam persembahan

¹⁸ Praphon Ruannarong, Op.Cit. Muka 67. Dan lihat H. Peter Moreland, Floris: His voyage to the East Indies in the Globe, 1611-15, Hakluyt Society Siri II, Jilid 74, London, 1934.

¹⁹ Habsah Mohd. Noordin, "Estetika Cerita Mak Yong", Kertas kerja di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu pada 2-3 September 1999 di Dewan Bahasa dan Pustaka anjuran Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mak Yong terdiri dari rebab, gendang, gong dan cerek.²⁰ Di Selatan Thailand di masa dahulu terdapat beberapa Mak Yong yang terkenal seperti Mak Yong Che' Muda dan Che' Penawar. Nama-nama tersebut tidak asing lagi bagi penduduk Kampung Duku. Bagi Menora itu dijeniskan kepada 2 bahagian iaitu pertama, *Menora Khuun* yang menggunakan bahasa Thai secara keseluruhan dalam persembahan. Kedua, *Menora Khaek*²¹ yang menggunakan dwibahasa iaitu bahasa Thai dan bahasa Melayu tempatan dalam persembahan serta menggabungkan Mak Yong ke dalam persembahan Menora ini.²² Ia boleh dianggap sebagai persembahan penduduk keturunan Thai yang telah diserapkan ke dalam masyarakat Melayu tempatan. Menora Khaek ini yang terkenal di wilayah Narathiwat ialah Menora Cheui Khongsuwan atau lebih dikenali dengan nama *Menora Cheui Nok Yung Thorng*. Dalam persembahan Menora Khaek ini jika semua pelakon terdiri dari keturunan Thai ia akan berbahasa Thai dan diselit dengan bahasa Melayu. Sebaliknya jika Pak Menora yang biasanya keturunan Thai akan berbahasa Thai dan Melayu tempatan. Mak Menora yang dari keturunan Melayu akan menjawab dalam bahasa Melayu. Persembahan Menora Khaek mendapat sambutan dari kalangan masyarakat Melayu sehingga ia dijemput

²⁰ Praphon Ruangnarong, Op.Cit. Muka 68-69.

²¹ Perkataan "Khaek" adalah perkataan negatif yang ditujukan kepada masyarakat Melayu.

²² Institute of Southern Studies, Thaksin University, Saranukrom Phak Tai (Bangkok: Amarin Printing Group, 1996) Vol. 3
Muka 1048

untuk mengadakan persembahan di majlis jamuan masyarakat Melayu seperti majlis perkahwinan dan majlis bersunat atau *masuk Jawi*. Bagi Menora Chuan, anak Menora Cheui Nok Yung Thorng semua lebih kurang 20 orang pelakornya adalah terdiri dari keturunan Melayu hanya 3 orang sahaja yang berketurunan Thai.²³

Sekarang tiada lagi persembahan Mak Yong di Kampung Duku kerana Mak Yong mempunyai unsur-unsur animisme seperti yang digambarkan dalam cerita Mak Yong serta pawang atau bomoh menjadi orang perantaraan dalam upacara berjamu, semah angin, tutup panggung dan buka panggung. Ini adalah bercanggah dengan golongan agama yang terpengaruh di Kampung Duku. Biasanya penduduk Kampung Duku akan menonton persembahan Mak Yong di luar kampung seperti persembahan di festa keramaian di pekan Bachok. Dengan pihak berkuasa tidak berusaha untuk menghidup dan mengekalkan persembahan Mak Yong yang menjadi salah satu kesenian budaya Melayu ini suatu hari kesenian budaya ini akan pupus begitu sahaja.

Menora sahaja dapat diterima oleh masyarakat Melayu, sebaliknya dapat menarik pelakon wanita Melayu untuk turut berlakon dalam persembahan tersebut. Sehingga terdapat pelakon wanita Melayu sanggup menukar agama dan bersuamikan pelakon keturunan Thai seperti Menora Cheui yang

²³ Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Ahmad Senik umur 35 tahun di kawasan pentas Menora tersebut pada 28 Januari 2001 di Pekan Sungai Golok Wilayah Narathiwat. Beliau berasal dari sebuah kampung dalam Daerah Bachok dan berlakon sebagai pelawak dalam kumpulan Menora tersebut.

berkahwin dengan pelakon Melayu. Anak dari hasil perkahwinan tersebut yang bernama Chuan telah meneruskan persembahan Menora dari bapanya sehingga sekarang. Sambutan persembahan Menora dikalangan penduduk Kampung Duku adalah bukti terhadap kesan dari dasar Siamisasi melalui kesenian budaya tersebut.

Makanan

Masyarakat Melayu Kampung Duku mempunyai makanan beresepe tersendiri seperti penduduk Melayu di kampung-kampung lain di Selatan Thailand. Resepe makanan Melayu adalah berlainan dari resepe makanan penduduk keturunan Thai. Penduduk Melayu Kampung Duku menjalinkan hubungan dengan penduduk luar kampung baik dari keturunan Melayu ataupun keturunan Thai dengan itu menyebabkan pengaruh makanan Thai telah tersebar luas ke dalam Kampung Duku. Bukti penerimaan makanan tersebut ialah mereka menganggap makanan tersebut sebagai makanan harian mereka. Beberapa makanan Thai yang telah diterima dan menjadi makanan kegemaran masyarakat Kampung Duku adalah seperti berikut:

Som Tam, sejenis makanan Thai yang berasal dari kawasan timur laut Thailand yang bersempadan dengan negeri Laos. Makanan ini dianggap sebagai makanan nasional negeri Laos. *Som Tam* mempunyai ramuan seperti selad. Ramuannya terdiri dari betik, tomato, kacang, udang dan lain-lain lagi biasanya *Som Tam* dianggap sebagai lauk untuk makan bersama nasi pulut, tetapi ada juga penduduk yang gemar makan *Som Tam* tanpa nasi pulut. Di bandar-bandar selain *Som Tam* bersama nasi pulut masih terdapat 2 jenis

makanan lagi yang biasanya dimakan bersama Som Tam. Makanan tersebut dibuat dari daging iaitu *Nam Tok* dan *Lab*. Di Kampung Duku makanan Som Tam bukan asing lagi biasanya makanan ini menjadi makan popular bagi remaja Kampung Duku di bulan puasa.²⁴ Makanan Som Tam dijual sepanjang bulan puasa pada waktu malam di sekitar jalan-jalan di Kampung Duku.

Bebola dan *Kuey Tiew (Chinese Noodle)*. *Bebola* daging dan *bebola* ikan kemungkinan adalah makanan yang berasal dari masyarakat Cina. Pada awal tahun 1970-an tiada penjual *bebola* ikan di sekitar daerah Bachok. Pada tahun tersebut hanya terdapat seorang penjual *bebola* ikan keturunan Cina menjaja makanan tersebut di sekitar bandar Narathiwat.²⁵ Selama hampir 30 tahun kemudian makanan *bebola* daging dan ikan telah diterima oleh kalangan penduduk Melayu termasuk penduduk Kampung Duku. Makanan ini tidak asing lagi bagi mereka lebih-lebih lagi pengusaha-pengusaha makanan ini bermastautin di kampung yang tidak jauh dari Kampung Duku. Begitu juga dengan makanan *Kuey Tiew*. Walaupun ia adalah makanan Cina, tetapi masyarakat Melayu menerima kedua-dua makanan tersebut melalui masyarakat keturunan Thai. Dalam sejarah makanan *Kuey Tiew* di Thailand, terdapat seorang penjual *Kuey Tiew* berketurunan Thai pertama di Bangkok pada tahun

²⁴ Pengkaji telah temubual dengan Sdri. Manjuri Binti Idris umur 23 tahun pada 12 November 2000 di rumahnya di Kampung Duku. Beliau adalah seorang pelajar di Hadyai University, Songkhla.

²⁵ Semasa itu pengkaji belajar di sebuah Sekolah Menengah di Bandar Narathiwat. Dan terdapat beberapa pelajar Melayu membeli *bebola* ikan dari penjaja tersebut. Kerana belum lagi ada penjaja-penjaja *bebola* ikan keturunan Melayu seperti sekarang.

1938.²⁶ Setiap kedai makanan di Kampung Duku biasanya terdapatlah Kuey Tiew yang diramukan bersama bebola daging atau ikan.

Tom Yam, sejenis makanan gulai masyarakat keturunan Thai yang tidak asing lagi bagi masyarakat Melayu tempatan termasuk penduduk di Kampung Duku. Resepinya terdiri dari udang atau daging, serai, lengkuas, daun limau purut, daun bawang, cili dan lain lain lagi.²⁷ Makanan Thai ini bukan sahaja merebak ke dalam masyarakat Melayu tempatan, sebaliknya penduduk Melayu tempatan membawa makanan ini ke Malaysia semasa mereka bekerja atau menjalankan perniagaan kedai makan di Malaysia. Di Kampung Duku terdapat beberapa orang menjalankan perniagaan kedai makan di Malaysia seperti di Kelantan dan Kuala Lumpur. Sejenis makanan Thai lagi yang menjadi kegemaran penduduk Melayu tempatan yang berbeza sedikit dari Tom Yam. Makanan tersebut ialah *Poek Tuek*.²⁸

Panaeng adalah sejenis gulai yang juga menjadi kegemaran masyarakat Melayu tempatan. Jika resepinya dari ayam dinamakan *Panaeng kai*, sebaliknya jika dari daging dinamakan *Panaeng Neuu*. Resepi makanan ini terdiri dari ayam atau daging, bawang putih, bawang merah, lada hitam, lengkuas, serai dan

²⁶ Surat khabar harian "Khao Phab" 21 Januari 1938.

²⁷ Nalin Khu-Amornpattana (Peny.), *Aharn Thai 4 Phak* (Bangkok: SaengDaed Publisher, 1993) Muka 34.

²⁸ Pengkaji telah temubual dengan Sdri. Azlina Akbar umur 35 tahun pada 3 Mac 2001 di kedai makannya. Beliau adalah seorang pemilik kedai makan di pekan Sungai Golok Wilayah Narathiwat.

lain-lain lagi.

Paed Prik adalah sejenis makanan Thai. Resepinya terdiri dari daging, bawang putih, bawang besar, cili dan lain-lain lagi. Makanan ini seperti juga dengan Tom Yam, selain popular di kalangan penduduk Melayu tempatan termasuk penduduk Kampung Duku. Ia juga dibawa mereka ke Malaysia.

Kaeng Som, sejenis gulai seakan asam pedas yang juga menjadi kegemaran masyarakat Melayu tempatan. Resepinya terdiri dari ikan, lada kering, kunyit, bawang putih, belantan dan lain-lain lagi.²⁹

Kaeng Khiau Wan, sejenis gulai yang berasal dari kawasan tengah Thailand. Resepinya terdiri dari terong kecil, ikan atau daging, bawang putih, daun sadri, daun limau purut, serai, limau purut, lada hitam, belantan dan lain-lain lagi.³⁰ Terdapat sejenis gulai yang dinamakan *Kaeng Ped* makanan jenis ini mempunyai resepi sedikit berbeza dari resepi *Kaeng Khiau Wan*.

Selain yang disebutkan di atas, masih terdapat lagi beberapa masakan penduduk keturunan Thai yang telah diterima sebagai sebahagian dari masakan harian bagi penduduk Melayu termasuk di Kampung Duku. Begitu juga dengan kuih muih Thai seperti *Khanom Khrok* yang menjadi makanan tradisional

²⁹ Nalin Khu-mornpattana, *Aharn Pak Tai* (Bangkok: SaengDaed Publisher, 1992) Muka 29

³⁰ Nalin Khu-Amornpattana, *Op.Cit.* Muka 64.

waktu pagi bagi penduduk keturunan Thai. Dan Kuih *Mo Kaeng* yang menjadi kuih popular di kawasan tengah Thailand. Ini membuktikan bahawa penduduk Melayu di Kampung Duku telah menerima makan Thai. Ia adalah salah satu dari dasar Siamisasi melalui makanan.

Seni mempertahankan diri

Silat adalah satu-satunya seni mempertahankan diri bagi bangsa Melayu termasuk penduduk Melayu di Kampung Duku. Sebaliknya "*Muay-Thai*" atau "*Tinju Siam*" dianggap oleh penduduk keturunan Thai sebagai seni mempertahankan diri bagi bangsa mereka.³¹ Walaupun begitu Muay Thai masih dianggap kontroversi kerana penduduk Myanmar dan Kampuchea pun menganggap seni mempertahankan diri jenis ini adalah kepunyaan bangsa mereka juga. Sekarang "*Muay-Thai*" telah berkembang ke dalam masyarakat Melayu khususnya masyarakat di Kampung Duku dan amnya seluruh masyarakat Melayu di Selatan Thailand. Mengikut tinjauan pengkaji didapati remaja di Kampung Duku lebih meyakinkan "*Muay-Thai*" daripada "*Silat*" untuk mempertahankan diri mereka. Seni mempertahankan diri ini mulai memasuki Kampung Duku pada awal tahun 1950-an. Pembawa seni mempertahankan diri ini ialah seorang peninju keturunan Melayu bernama "*Stading*".³² Di tahun-tahun selanjutnya ia dikembangkan oleh beberapa ahli tinju Melayu Kampung Duku. Kemudian pada tahun 1980-an pemuda-pemuda Kampung Duku

³¹ Sombat Champoathong, *Kila Thai* (Bangkok: Ton Oo 1999, 1999) Muka 11-20

³² Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Idris Bin Abdul Wahab umur 61 tahun pada 12 November 2000 di rumahnya di Kampung Duku.

menjalani latihan " *Muay Thai*" di sebuah kem latihan di pekan Bachok. Jurulatih kem tersebut adalah Sdr. Abdul Latif Bukit Jait, ketua Kampong Mu 2.

Kemudian tertubuhnya sebuah kem latihan di kota, pinggir Kampung Duku.³³ Kebanyakan setiap festa keramaian di merata tempat di wilayah-wilayah Melayu akan diadakan pertandingan Muay -Thai. Ia mendapat sambutan dari penduduk Melayu selain dari pertandingan di festa-festa, terdapat rancangan Muay-Thai melalui TV dengan menyiarkan siaran langsung setiap hari Sabtu dan Ahad. Di hari - hari tersebut di rumah- rumah dan kedai-kedai kopi di Kampung Duku akan dipenuhi dengan peminat-peminat Muay-Thai. Ini dapat membuktikan bahawa seni mempertahankan diri keturunan Thai tersebut telah mengatasi seni silat yang menjadi seni mempertahankan diri bangsa Melayu sendiri.

Upacara Diraja di Kota Kampung Duku

Di kalangan keluarga diraja daerah Bachok itu terdapat beberapa upacara diraja yang telah diamalkan oleh mereka. Upacara - upacara tersebut seperti upacara ketika hamil, upacara bersalin, upacara bercukur dan upacara buaian bayi.³⁴ Di rumah Tengku Bongsu atau Aishah Binti Tengku Timun

³³ Kem Latihan inilah yang melahirkan seorang petinju yang bernama Sdr. Rakib. Kemudian beliau berhijrah ke Rantau Panjang, Kelantan. Akhirnya beliau menyertai pasukan kebangsaan Malaysia sehingga berjaya memenangi Pingat Emas di Sukan SEA Games.

³⁴ Lihat Upacara - Upacara tersebut dalam Tardjan Hadidjaja, *Adat Raja-Raja Melayu* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964) Muka 3-13.

masih terdapat sebuah buaian bayi yang diperbuat dari kayu. Mengikut Tengku Aishah, keluarganya masih mengamal upacara buaian bayi. Walaupun begitu sesetengah dari alat-alat kebesaran dalam upacara buaian bayi telah tiada lagi ia berpunca dari kehilangan. Jika upacara buaian bayi akan diadakan, alat-alat yang hilang itu akan diganti dengan alat-alat yang dipinjamkan dari keluarganya di bandar Teluban. Dalam upacara buaian bayi ini, lagu-lagu tradisional buaian akan dinyanyikan. Penyanyi lagu-lagu tersebut dijemput dari lain kerana tiada lagi orang yang masih ingat isi kandungan lagu-lagu tersebut di Kampung Duku.

Upacara-upacara Diraja ini jika tiada usaha untuk menghidupkannya, ia akan hilang begitu sahaja. Akhirnya ia akan pupus seperti juga bahasa pertuturan di sekitar kawasan tersebut yang tidak lagi menyelitkan kata-kata diraja dalam pertuturan mereka.

Hari keagamaan penduduk keturunan Thai

Terdapat hari-hari keagamaan penduduk keturunan Thai seperti malam *Loy Kratong* iaitu satu hari keagamaan Buddha yang dilakukan di waktu malam bulan purnama pada tarikh tertentu. Di hari tersebut mereka akan menghanyut benda berbentuk perahu kecil atau bunga telipuk ke dalam sungai-sungai di atas benda tersebut terletak sebatang lilin. Ia melambangkan satu pelepasan bala dan mendoakan agar hajat-hajat mereka tercapai.³⁵ Di pekan

³⁵ Pengkaji telah temubual dengan Prakru Sunthornwati pada 21 November 2000 di Wat Urai Rattanaram. Beliau

Bachok terdapat sebatang sungai kecil atau carak yang menuju ke Kampung Duku. Carak tersebutlah menjadi tempat penduduk Thai di sekitar pekan Bachok melepaskan benda-benda bertentuk perahu atau bunga teliput tersebut. Di hari Loy Kratong ini penduduk Melayu khususnya kanak-kanak dan remaja dari Kampung Duku dan sekitar pinggir pekan Bachok hanya melihat upacara tersebut sahaja. Walaupun begitu pengkaji telah mendapat maklumat dari beberapa orang dari luar Kampung Duku bahawa di sesetengah tempat terdapat penduduk Melayu turut terlibat secara langsung dalam upacara tersebut.

Seterusnya satu lagi hari keagamaan Buddha iaitu hari *Songkran*. Hari tersebut dilakukan pada tarikh tertentu dalam bulan April yang dianggapkan sebagai hari yang terpanas. Upacara di hari Songkran ialah mereka akan menyiram air ke atas patong-patong Buddha kemudian air tersebut akan disimbur kepada peserta-peserta dalam perayaan tersebut. Walaupun perayaan hari Songkran tidak merebak ke Kampung Duku tetapi terdapat pelajar-pelajar Melayu dari Kampung Duku yang telah belajar di sekolah-sekolah kerajaan baik di sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Sebilangan dari mereka telah mengikuti dalam upacara mesimbur air tersebut di luar Kampung Duklu. Pengkaji telah terperanjat semasa melalui depan Sekolah Menengah Bachok di hari Songkran itu. apabila diberitahu oleh kawan bahawa pelajar-pelajar yang sedang menyimbur air ke atas orang yang lalu lalang di depan sekolah itu semuanya adalah pelajar-pelajar Melayu. Lebih terperanjat lagi di hari Songkran tahun 2001 terdapat 2-3 orang pelajar Melayu berpakaian

adalah Ketua Sami di Wat tersebut iaitu sebuah kuil Buddha di tengah-tengah masyarakat Melayu Kampung Duku.

hijab sedang menyimbur air di sekitar pekan Sungai Golok.

Terdapat lagi beberapa hari keagamaan Buddha yang turut disertai remaja juga hari Tahun baru dan Hari *Valentine*, sebaliknya beberapa hari kebesaran Islam seperti hari 1 Muharram telah diketepikan oleh kalangan remaja Melayu tersebut.³⁶ Ini membuktikan bahawa berkesannya dasar Siamisasi melalui penyerapan hari kebesarannya ke dalam masyarakat Melayu dengan secara tidak langsung.

Permainan kanak-kanak

Terdapat beberapa permainan kanak-kanak masyarakat Thai yang telah diterima oleh kanak-kanak Melayu. Permainan tersebut baik dari hubungan kanak-kanak dengan masyarakat luar Kampung Duku ataupun permainan itu diajarkan oleh guru-guru di sekolah-sekolah rendah.

Permainan yang telah diterima dari hubungan dengan masyarakat luar ialah seperti permainan gasing terdapat beberapa jenis gasing di Selatan Thailand iaitu gasing Melayu, gasing Thai dan gasing India.³⁷ Kebelakangan ini, gasing Thai telah mendapat tempat di kalangan kanak-kanak Melayu. Gasing

³⁶ Pengkaji telah temubual dengan beberapa pelajar-pelajar Melayu di Kampung Duku baik yang sedang belajar di sekolah kerajaan ataupun sekolah agama pada sekitar bulan Januari 2001.

³⁷ Institute of Southern Studies Thaksin University, Saranukrom Pak Tai (Bangkok: Amarin Printing Group, 1996)
Vol. 8 Muka 3205.

tersebut dikenali oleh kanak-kanak di Kampung Duku dengan nama "*Gasing Siam*".³⁸ Beberapa permainan Thai yang telah diajarkan di sekolah-sekolah juga mendapat tempat di kalangan kanak-kanak seperti *Mon Son Pha, Ngu, Kau i Dintri, Ri Ri Kin Hang Khaosan* dan *Soh Ha* atau *Pong Paek*.³⁹

Ini adalah kesan dari dasar Siamisasi melalui permainan yang menyerap ke dalam kalangan kanak-kanak Melayu.

Kesimpulan

Setelah kerajaan menjalankan dasar Siamisasi terhadap penduduk Melayu menyebabkan masyarakat Melayu menerima pengaruh siam ke dalam kesenian budaya mereka. Kesan-kesan tersebut seperti Dikir barat dan wayang kulit selain mereka menggunakan bahasa Melayu mereka juga menyanyi lagu-lagu Thai dan kata-kata Thai diselit dalam permainan tersebut. Begitu juga dengan ronggeng sehingga di beberapa tempat bahasa Thai telah digunakan dalam permainan itu. Kesan dari dasar Siamisasi selain itu ialah kesenian budaya Melayu dibiarkan sehingga hampir pupus seperti sandiwara, main puteri dan ronggeng. Permainan menora yang dianggap sebagai permainan masyarakat Thai telah diterima oleh masyarakat Melayu. Beberapa makanan Thai telah diterima oleh masyarakat Melayu. Penduduk Melayu lebih minat seni mempertahankan diri Thai daripada seni mempertahankan diri bangsanya sendiri.

³⁸ Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Mohd. Zamri Bin Idris umur 26 tahun pada 12 November 2000 di rumahnya di Kampung Duku.

³⁹ Saroj Miwongsom, *Kari Lalai Puenban Klong Dek Thai 4 Phak* (Bangkok : U.S.T.P. World Media, 1999) Muka 69-74, 79.